

AN-18415

1/08
n



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MASALAH SETINGGAN DI KAWASAN KIDURONG BINTULU

Oleh:

NORFARANY BT ABDUL MUTALIB

SYLVESTER LANGA ANAK DATO

**Kertas Projek Ini Di kemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-
Undang, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Sarawak Bagi Memenuhi
Sebahagian Daripada Keperluan Diploma Pentadbiran Awam**

MARCH 2002

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk melihat kaitan penduduk setinggan di Kawasan Kidurong Bintulu dengan masalah yang dihadapi oleh penduduk tersebut. Objektif utamanya adalah untuk mengenalpasti kaitan di antara penduduk setinggan di Kawasan Kidurong, Bintulu ke atas masalah-masalah yang timbul. Sampel diambil daripada 105 orang penduduk setinggan yang terdiri daripada pelbagai kaum. Persampelan yang digunakan adalah rawak mudah. Peningkatan kawasan setinggan yang tidak terkawal sejak kebelakangan ini telah mendatangkan implikasi negatif dari sudut sosio-ekonomi, pencemaran, pengangguran penduduk tempatan dan sebagainya. Dari sudut keselamatan pula menunjukkan peningkatan gejala-gejala negatif seperti kecurian, rogol, dadah dan sebagainya. Oleh kerana jumlah setinggan yang semakin meningkat, banyak pihak yang mempersoalkan keberkesanan tindakan Kerajaan Tempatan (BDA) dan Jabatan Tanah & Survei di dalam mengatasi masalah ini di Bintulu. Berdasarkan isu-isu tersebut, kertas kerja ini akan mengupas dilema yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan (BDA) dan Jabatan Tanah & Survei dalam menangani setinggan di negeri ini dengan memberi penekanan pada implikasi kebanjiran pendatang asing di kawasan setinggan, langkah-langkah yang telah di ambil dan akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa dalam menangani masalah setinggan di Bintulu.

KANDUNGAN

Mukasurat

ABSTRAK	i
BIODATA	ii
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv - v
KANDUNGAN	vii
DAFTAR KATA	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latarbelakang Masalah	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Ruang Lingkup Kajian	5
1.6 Hipotesis Kajian	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Andaian Kajian	6
1.9 Kajian Literature	7
1.10 Definisi Istilah	7

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Isu setinggan sentiasa menarik perhatian ramai sejak bertahun-tahun dulu. Isu kebanjiran setinggan ini semakin hangat diperkatakan apabila semakin banyak pendatang asing yang mendiami kawasan setinggan.

Setinggan boleh di definisikan sebagai binaan bangunan yang didirikan di atas Tanah Kerajaan atau Tanah hak milik persendirian tanpa mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa.

Meneliti pada faktor-faktor yang mempengaruhi bertambahnya setinggan ke sesebuah negara, secara umum ia boleh dikategorikan pada tiga faktor utama iaitu faktor penolak, faktor penarik dan juga saluran faktor (Horton P.B, Hunt C.L. 1980). Faktor penolak berkaitan dengan situasi seperti keadaan politik yang tidak stabil, peluang ekonomi yang terhad di tempat asal, kemiskinan dan pengangguran yang menjadikan seseorang itu berhijrah ke tempat lain. Faktor penarik pula berkaitan dengan tarikan di negara penerima seperti peluang ekonomi dan kestabilan politik. Manakala faktor saluran pula merujuk pada kemudahan untuk migrasi dari satu tempat ke tempat lain tanpa adanya sekatan yang sukar dilalui.

BAB 2

SOROTAN

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini perbincangan akan ditumpukan ke atas gejala sosial dan negatif seperti kecurian, rogol, penagihan dada, pelacuran yang dikatakan lebih tinggi di kawasan setinggan terutamanya kawasan yang di diam oleh penduduk asing.

2.1 Isu Keselamatan

Di samping implikasi dari sudut ekonomi, kebanjiran pendatang asing di Bintulu juga boleh menimbulkan ancaman pada keselamatan negara. Dalam konteks ini, kebanjiran penduduk setinggan yang tidak terkawal boleh menggugat kestabilan politik melalui peningkatan kadar jenayah dan juga kewujudan sindiket pemalsuan dokumen dan kad pengenalan.

2.2 Peningkatan Kadar Jenayah

Berkaitan juga dengan isu keselamatan ialah kadar jenayah yang semakin meningkat selaras dengan pertambahan bilangan pendatang tanpa izin di Bintulu. Kegiatan jenayah yang melibatkan golongan setinggan terutamanya dari golongan pendatang asing ini dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan hampir setiap hari. Kegiatan jenayah ini